

PEJABAT DAERAH DAN TANAH BARAT DAYA

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

KERJA-KERJA BINA BARU RUMAH RAKYAT TERMISKIN SALEHAH BINTI MD REJAB DI PERMATANG PASIR BALIK PULAU, DAERAH BARAT DAYA - PROJEK KHAS EKONOMI

No. Sebut Harga / Tender: PDTBD/PD/07/2026

Sebut Harga ini adalah terbuka kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Di Daerah Barat Daya Sahaja** yang berpengalaman dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan(CIDB)/Pusat Khidmat Kontraktor(PKK) /Kementerian Kewangan dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja seperti berikut:-

Taraf/ Jenis Syarikat	Gred, Kategori & Pengkhususan/Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Sesi Taklimat	Tarikh & Masa Dokumen Mula Diperolehi	Harga Indikatif	Serahan & Tutup Sebut Harga
Bumiputera T1	Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan, Sijil Pematuhan Cukai (TCC) & sysP (Sijil Pendaftaran Syarikat Dalam Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang) berikut : Gred : G1 Kategori : CE21 – Kerja-kerja kejuruteraan awam Pengkhususan : CE21 = Kerja-kerja kejuruteraan awam	<u>Tarikh</u> 23 Julai 2026 (Khamis) <u>Masa Pendaftaran & Taklimat</u> 9:00 – 11:00 pagi <u>Tempat</u> Bilik Melur Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya 11000 Balik Pulau PULAU PINANG Taklimat Tender / Sebut Harga Adalah WAJIB. Kegagalan pihak tuan/puan menyertai taklimat tersebut akan menyebabkan penyertaan tuan/ puan akan DITOLAK <u>Nota :</u> Bagi sesi taklimat Tender / Sebut Harga, hanya penama yang tercatat dalam sijil PPK,SPKK yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/syarikat TIDAK BOLEH mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK/SPKK (ruj: Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Pindaan 23/12/2014) Kontraktor dikehendaki membawa bersama Sijil Pendaftaran (Asal) dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Sijil Taraf Bumiputera, TCC dan sysP serta satu Salinan sijil-sijil berkenaan untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa sesi taklimat Sila bawa cop beralamat untuk memudahkan urusan pendaftaran semasa taklimat dijalankan	<u>Tarikh</u> 23 Julai 2026 (Khamis) <u>Masa</u> 3:00 petang <u>Pembelian Dokumen</u> (PEMBELIAN DOKUMEN RM10.00 BOLEH DILAKUKAN DALAM LAMAN SESAWANG https://ep.penang.gov.my/)	RM 85,000.00	<u>Alamat</u> Bahagian Pengurusan Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya 11000 Balik Pulau PULAU PINANG <u>Tarikh Tutup</u> 30 Julai 2026 (Khamis) <u>Waktu Tutup</u> Sebelum atau pada Jam 12.00 tengah hari

Nota :

1. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.
2. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang liabiliti, kerosakan, kos, kehilangan, perbelanjaan atau sebarang kerugian lain yang di alami oleh penyebut harga.
3. Jenis Syarikat Tempatan : T1 – Syarikat 100% milik tempatan

A1 – Syarikat 100% milik tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 100% warganegara.

A2 – Syarikat 100% milik tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL **ATAU** Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.